

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ABDUL RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

SOALAN

Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat] minta Menteri Industri Utama menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan harga komoditi terutamanya kelapa sawit dan getah memandangkan harga kedua-dua komoditi tersebut sangat rendah pada masa ini dan ini amat membebankan pekebun-pekebun kecil khususnya di negeri Sabah.

JAWAPAN

Menyedari hakikat kejatuhan harga komoditi ini, pihak Kementerian sentiasa meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga komoditi negara. Antara pasaran baharu yang telah diteroka adalah Afrika, Turki, Mesir, Iran, Maghribi, Columbia dan sebagainya melalui beberapa siri misi ekonomi, pelaburan dan teknikal serta mesyuarat. Antaranya seperti Mesyuarat Khas peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019, misi ekonomi dan promosi sawit dan kayu-kayan ke Arab Saudi dan Ethiopia pada 22 hingga 26 April 2019 dan misi ekonomi dan promosi sawit ke negara-negara Afrika Timur pada 28 September hingga 4 Oktober 2019.

Kementerian juga sentiasa berusaha membantu meringankan beban pendapatan pekebun kecil antaranya dengan melaksanakan inisiatif berikut:

- (a) memperkenalkan sistem belian secara atas talian *My Rubber Online* (MyROL) yang telah digunakan di empat pusat pembelian getah secara berkelompok. Melalui sistem ini harga getah yang ditawarkan adalah lebih kompetitif dan memberi pulangan yang lebih tinggi

kepada pekebun kecil kerana capaian kepada pembeli adalah lebih meluas;

- (b) menggalakkan integrasi tanaman dan ternakan di ladang-ladang kelapa sawit dan getah dengan pekebun kecil boleh memilih sama ada untuk mengintegrasikan tanaman kontan, sayur-sayuran, buah-buahan atau menjalankan integrasi ternakan seperti lebah, kelulut, lembu atau kambing untuk diusahakan bersama tanaman mereka dan
- (c) melaksanakan program B10 secara mandatori bagi sektor pengangkutan bermula Februari 2019 dan program B7 bagi sektor industri mulai Julai 2019. Usaha Kementerian untuk membangunkan penggunaan biodiesel sawit telah meningkatkan lagi penggunaan domestik minyak sawit sebanyak 400,000 tan setahun. Pencapaian ini menunjukkan program biodiesel mampu mengurangkan stok minyak sawit yang tinggi seterusnya membantu menstabilkan harga komoditi sawit.

Sekian, terima kasih.